

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

**SOALAN**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kaunselor bertauliah, pakar psikologi dan psikiatri yang patut kita ada (*ideal numbers*) untuk jumlah penduduk negara kita. Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mencapai jumlah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bilangan **kaunselor** bertauliah di sektor perkhidmatan awam dan swasta yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) adalah seramai 9,580. Daripada jumlah ini, seramai 346 orang pegawai kaunselor berkhidmat di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. Bagi **pegawai psikologi klinikal** di Malaysia, terdapat seramai 66 orang di mana 58 orang berkhidmat di hospital Kementerian Kesihatan dan 8 orang lagi di fasiliti kesihatan swasta.

3. Manakala, bagi **Pakar Psikiatri** pula, terdapat seramai 459 orang di seluruh negara iaitu seramai 256 orang di fasiliti Kementerian Kesihatan dan seramai 203 orang di fasiliti Kementerian Pertahanan, Kementerian Pengajian Tinggi dan sektor swasta.

4. Sebagai langkah awal bagi memenuhi keperluan rakyat Malaysia untuk perkhidmatan yang melibatkan kesihatan mental, Kementerian Kesihatan telah membeli perkhidmatan daripada 200 kaunselor secara kontrak selama tempoh setahun mulai Ogos 2020 hingga 2 Ogos 2021 untuk ditempatkan di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) di seluruh negara. Kaunselor kontrak ini telah ditempatkan di 138 PKD bagi memberi perkhidmatan secara berjadual di 831 klinik kesihatan di seluruh negara. Sejak Oktober 2020 hingga 31 Mei 2021, seramai 111,150 orang pesakit di klinik kesihatan seluruh negara telah mendapat perkhidmatan psikologi kaunseling daripada pegawai kontrak ini secara bersemuka dan secara dalam talian. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan pada 25 Mac 2021 telah bersetuju untuk meluluskan pelanjutan tempoh kontrak perkhidmatan mereka. Dalam hal ini, pelanjutan adalah bagi tempoh 1 tahun mulai 3 Ogos 2021 hingga 2 Ogos 2022

5. Kementerian Kesihatan mensasarkan nisbah 1 doktor bagi setiap 50,000 penduduk pada tahun 2025 dan menjelang 2030, nisbah ini dipertingkatkan kepada 1 doktor bagi setiap 30,000 penduduk. Unjuran keperluan pakar psikiatri mengikut nisbah 1 pakar psikiatri kepada 50,000

## SOALAN NO : 35

penduduk Malaysia ialah seramai 720 orang pada tahun 2025 dan 952 pada tahun 2030 dan keperluan ini dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan.

6. Bagi mencapai sasaran ini, KKM sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi Pakar Psikiatri. Antara langkah yang telah dilaksanakan adalah:

- (i) meningkatkan slot tajaan Hadiah Latihan Persekutuan untuk Program Latihan Kepakaran Sarjana Perubatan bagi bidang Psikiatri daripada 46 slot pada tahun 2015 kepada 57 slot pada tahun 2021;
- (ii) meningkatkan slot tajaan Hadiah Latihan Persekutuan untuk Program Latihan SubKepakaran bagi bidang Psikiatri daripada 2 slot pada tahun 2016 kepada 13 slot pada tahun 2021;
- (iii) Selain program Sarjana Kepakaran dengan HLP, pegawai perubatan juga boleh mengikuti latihan kepakaran *Parallel Pathway* menggunakan kelulusan dari luar negara seperti *Member of the Royal College of Psychiatrists (MRCPsych)* UK; dan
- (iv) melantik semula secara kontrak Pakar Psikiatri warganegara Malaysia yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.

7. Bagi memberi perkhidmatan kesihatan terbaik di seluruh negara, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kaunseling dan psikiatri termasuk melaksanakan usaha kolaboratif dengan agensi lain dan swasta dengan memanfaatkan kaunselor di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.